

3756/1  
Prinsip Perakaunan  
Kertas 1  
1 ¼ jam

Nama: \_\_\_\_\_

Tingkatan: \_\_\_\_\_

## JABATAN PENDIDIKAN NEGERI JOHOR

---

---

# MODUL KECEMERLANGAN BERFOKUS PRINSIP PERAKAUNAN SPM 2023

---

---

PRINSIP PERAKAUNAN  
Kertas 1  
Satu jam lima belas minit

---

---

### JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan mengandungi 40 soalan*
2. *Jawab semua soalan*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf A, B, C dan D. Bagi tiap soalan pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Sekiranya anda ingin menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 18 halaman bercetak

- 1 Pernyataan berikut berkaitan subbidang perakaunan.

Menyediakan maklumat perakaunan untuk pengguna dalaman.

Apakah subbidang tersebut?

- A Percukaian
  - B Pengauditan
  - C Perakaunan Kewangan
  - D Perakaunan Pengurusan
- 2 Siapakah merupakan pengguna dalaman Penyata Kewangan?

- A Pembekal
- B Pihak bank
- C Pihak pengurusan
- D Lembaga Hasil Dalam Negeri

- 3 Maklumat berikut merujuk kepada perniagaan Puan Amel Raudah.

Puan Amel Raudah menggunakan kaedah garis lurus untuk pengiraan susut nilai alatan pejabat dan kenderaan bagi setiap tempoh perakaunan.

Apakah prinsip perakaunan yang diamalkan oleh perniagaan Amel Raudah?

- A Ketekalan
  - B Prinsip kos
  - C Usaha berterusan
  - D Pengiktirafan hasil dan belanja
- 4 Antara yang berikut, manakah merupakan aset semasa perniagaan?
- A Kadar bayaran belum bayar
  - B Komisen belum terperoleh
  - C Insurans prabayar
  - D Sewa belum bayar

- 5 Maklumat berikut merupakan urus niaga yang diperoleh daripada perniagaan Kedai Perabot Medina.

Pemilik Kedai Perabot Medina telah membawa masuk lori peribadinya untuk kegunaan perniagaan.

Apakah kesan urus niaga tersebut terhadap persamaan perakaunan?

	Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
A	Bertambah	Tiada kesan	Bertambah
B	Bertambah	Bertambah	Tiada kesan
C	Tiada kesan	Berkurang	Bertambah
D	Berkurang	Berkurang	Tiada kesan

- 6 Antara berikut, yang manakah Catatan Kontra bagi Akaun Jualan?

- A Ambilan
- B Pulangan keluar
- C Pulangan masuk
- D Susut nilai terkumpul

- 7 Aliran dokumen berikut berlaku dalam urus niaga tunai.



Apakah A?

- A Invois
- B Bil Tunai
- C Nota Kredit
- D Keratan Cek

8 Apakah dokumen yang digunakan untuk membetulkan kesilapan dalam invois?

I Nota Debit

II Nota Kredit

III Makluman Debit

IV Makluman Kredit

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

9 Urus niaga manakah yang akan direkod dalam Jurnal Am?

I Catatan pelarasan

II Ambilan tunai oleh pemilik

III Membeli perabot secara tunai

IV Menjual kenderaan terpakai secara kredit

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

10 Maklumat berikut diperolehi daripada Kedai Buku Raj.

Encik Raj menghantar nota debit berjumlah RM200 kepada Puan Vas kerana terkurang caj.
---

Apakah buku Catatan Pertama yang digunakan untuk merekodkan urus niaga di atas?

A Jurnal Jualan

B Jurnal Belian

C Jurnal Pulangan Jualan

D Jurnal Pulangan Belian

11 Maklumat berikut diambil daripada Buku Tunai Runcit Makmur Enterprise.

	<b>RM</b>
Peruntukan Dana Runcit yang ditetapkan	500
Baki Tunai Runcit pada 1 Mei 2023	280
Pembayaran dalam bulan Mei 2023:	
Belanja pejabat	90
Tambang	35
Pelbagai	60

Berdasarkan Sistem Panjar, berapakah jumlah wang yang perlu dituntut daripada juruwang pada awal bulan Jun 2023?

- A RM35
- B RM95
- C RM185
- D RM315
- 12 Akaun manakah yang dicatat dalam Lejar Subsidiari?
- A Akaun Tunai
- B Akaun Modal
- C Akaun Komisen
- D Akaun Belum Bayar - Sempoi Enterprise
- 13 Perniagaan Aiman mendapati bahawa cek yang diterima daripada Kedai Murni adalah cek tak layan.

Catatan bergu manakah yang betul?

	<b>Debit</b>	<b>Kredit</b>
<b>A</b>	Bank	Kedai Murni
<b>B</b>	Kedai Murni	Bank
<b>C</b>	Bank	Perniagaan Aiman
<b>D</b>	Perniagaan Aiman	Kedai Murni

14 Berikut adalah maklumat yang diperolehi daripada Enak Rasa Enterprise.

2022		RM
Jan 1	Baki debit Lejar Jualan	4 600
Dis 31	Bayaran oleh Akaun Belum Terima	23 600
	Diskaun diberi	420
	Pulangan masuk	290
	Hutang lapuk	345
	Baki debit lejar jualan	4 820

Berapakah jualan kredit Enak Rasa Enterprise?

- A RM10 415
- B RM22 325
- C RM24 875
- D RM29 475

15 Pernyataan yang manakah menerangkan fungsi Imbangan Duga?

- A Menghitung modal kerja
- B Menyemak ketepatan catatan bergu
- C Menghitung untung kasar dan untung bersih
- D Menunjukkan kedudukan kewangan perniagaan

- 16 Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaan Kedai Perabot Bumi Kenyalang pada akhir tempoh perakaunan.

Jenis perabot	Harga kos (RM)	Harga pasaran (RM)
Sofa	45 370	49 410
Meja makan	35 520	32 710

Berapakah nilai inventori akhir?

- A RM78 080
  - B RM80 890
  - C RM82 120
  - D RM84 930
- 17 Tujuan penyediaan Penyata Kedudukan Kewangan adalah untuk
- A Menyenaraikan liabiliti perniagaan
  - B Menunjukkan kedudukan kewangan perniagaan
  - C Melihat jumlah aset perniagaan pada akhir tempoh perakaunan
  - D Membandingkan prestasi perniagaan milikan tunggal dengan syarikat berhad

18 Pilih catatan penutupan yang betul bagi Akaun kadar bayaran.

**A**

**Akaun kadar bayaran**

2023		RM	2023		RM
Dis 31	Akaun Perdagangan	2 400	Dis 31	Bank	2 400
		<u>2 400</u>			<u>2 400</u>

**B**

**Akaun kadar bayaran**

2023		RM	2023		RM
Dis 31	Bank	2 400	Dis 31	Akaun Perdagangan	2 400
		<u>2 400</u>			<u>2 400</u>

**C**

**Akaun kadar bayaran**

2023		RM	2023		RM
Dis 31	Untung Rugi	2 400	Dis 31	Bank	2 400
		<u>2 400</u>			<u>2 400</u>

**D**

**Akaun kadar bayaran**

2023		RM	2023		RM
Dis 31	Bank	2 400	Dis 31	Untung Rugi	2 400
		<u>2 400</u>			<u>2 400</u>

19 Antara berikut, manakah catatan bergu untuk merekodkan hutang lapuk terpulih?

	<b>Debit</b>	<b>Kredit</b>
<b>A</b>	Akaun Belum Terima	Akaun hutang lapuk terpulih
<b>B</b>	Akaun hutang lapuk terpulih	Akaun Belum Terima
<b>C</b>	Akaun hutang lapuk terpulih	Akaun bank
<b>D</b>	Akaun bank	Akaun hutang lapuk terpulih



- 20 Pertiwi Logistic Sdn Bhd telah membeli sebuah lori RM120 000 pada 1 April 2018. Usia guna lori tersebut dianggarkan selama 10 tahun dan mempunyai nilai skrap RM40 000.

Berapakah susut nilai terkumpul lori tersebut pada 31 Mac 2023?

- A RM8 000  
 B RM20 000  
 C RM40 000  
 D RM60 000
- 21 Maklumat berikut berkaitan dengan kenderaan yang dimiliki oleh Hassan Trading.

Kenderaan (dibeli pada 1 Jan 2021)	RM80 000
Kaedah susut nilai kenderaan	10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan
Rugi atas pelupusan kenderaan	RM3 400

Kenderaan tersebut telah dijual pada 31 Disember 2023. Berapakah harga pelupusan kenderaan tersebut?

- A RM18 280  
 B RM21 680  
 C RM54 920  
 D RM58 320
- 22 Jurnal Belian berikut diambil daripada buku perniagaan Pembekal Yew.

**Jurnal Belian**

Tarikh	Butir	Jumlah
2023		<b>RM</b>
Mei 12	Pemborong Hassan	4 500
25	James Enterprise	2 885
31	Akaun Belian	7 285

Apakah jenis kesilapan yang telah berlaku dalam Jurnal Belian di atas?

- A Kesilapan amaun  
 B Kesilapan komisen  
 C Kesilapan pindahan  
 D Kesilapan pengiraan

23 Selepas Akaun Perdagangan dan Untung Rugi disediakan dan untung bersih ditaksirkan sebanyak RM8 700, kesilapan berikut telah dikesan:

- i) Pulangan jualan terkurang rekod sebanyak RM100.
- ii) Inventori akhir terlebih catat RM140.
- iii) Diskaun diterima RM20 tersalah catat ke dalam Akaun Diskaun Diberi.
- iv) Bayaran tunai kepada Kedai Rahmah tidak dicatat RM200.

Berapakah untung bersih selepas pelarasan?

- A RM8 280
- B RM8 480
- C RM8 640
- D RM8 920

24 Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaan empat buah firma yang terlibat dalam industri tekstil di negeri Johor bagi tahun berakhir 30 Jun 2023.

	<b>Firma Didi RM</b>	<b>Firma Ema RM</b>	<b>Firma Firaz RM</b>	<b>Firma Gaga RM</b>
Untung Kasar	240 000	235 000	200 000	120 000
Untung Bersih	116 000	120 000	140 000	75 000
Modal Awal	540 000	590 000	690 000	410 000

Berdasarkan analisis nisbah pulangan atas modal, firma yang manakah terbaik untuk membuat pelaburan?

- A Firma Didi
- B Firma Ema
- C Firma Firaz
- D Firma Gaga

- 25 Apakah kesan rekod tak lengkap terhadap maklumat perakaunan perniagaan?
- I Imbangan duga dapat disediakan
  - II Sukar untuk menghitung untung atau rugi dengan tepat
  - III Akaun Kawalan belum terima dan Akaun Kawalan belum bayar perlu disediakan
  - IV Perbandingan kedudukan kewangan perniagaan dengan tahun sebelumnya dapat dibuat
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 26 Maklumat berikut diperolehi daripada buku Kedai Runcit En Beto, sebuah perniagaan yang tidak mengamalkan Sistem Catatan Bergu.

**1 Jun 2023**

**RM**

Inventori	11 800
Perabot	3 800
Bank	4 200
Akaun Belum Bayar	7 110
Akaun Belum Terima	1 100
Sewa belum bayar	600

Berapakah modal awal kedai tersebut?

- A RM9 790
- B RM13 190
- C RM13 410
- D RM30 610

- 27 Finza Floral & Gift tidak menggunakan catatan bergu untuk merekod urusniaganya. Maklumat berikut diperoleh buku perniagaannya.

	1 Mac 2022	30 April 2023
	RM	RM
Akaun Belum Terima	11 760	12 310
Akaun Belum Bayar	7 430	9 220
Insurans prabayar	900	250

**Buku Tunai (Petikan)**

Butir	RM	Butir	RM
Jualan	22 700	Belian	10 550
Komisen	1 770	Insurans	2 800
Akaun Belum Terima	18 800	Akaun Belum Bayar	7 810

Berapakah jumlah jualan?

- A RM18 250
  - B RM19 350
  - C RM42 050
  - D RM42 870
- 28 Butiran yang manakah **bukan** tujuan kawalan tunai dilaksanakan?
- A Mengelakkan berlakunya kehilangan tunai akibat kecurian.
  - B Mengelakkan kesilapan perekodan urus niaga tunai.
  - C Mengurangkan risiko penyelewengan tunai.
  - D Memastikan aliran tunai mencukupi.

29 Maklumat berikut diperolehi daripada Razi Enterprise.

	<b>RM</b>
Baki debit Buku Tunai	5 600
Cek Belum Dikemukakan	17 600
Cek tak layan	8 900
Dividen	2 200

Berapakah baki akhir di Penyata Bank?

- A Baki debit RM16 500
  - B Baki kredit RM16 500
  - C Baki debit RM29 900
  - D Baki kredit RM29 900
- 30 Urus niaga yang manakah akan diambil kira dalam penyediaan Penyata Belanjawan Tunai?
- A Hutang lapuk
  - B Ansuran pinjaman
  - C Susut nilai lengkapan
  - D Membawa masuk alatan pejabat sebagai modal
- 31 Azlan dan Azlin tidak membuat sebarang perjanjian semasa menubuhkan Perkongsian AA.
- Antara yang berikut, pernyataan yang manakah **benar**?
- A Faedah atas modal 8% setahun
  - B Tiada gaji dibayar kepada pekongsi
  - C Nisbah untung rugi mengikut nisbah modal
  - D Faedah atas pinjaman pekongsi 9% setahun

32 Maklumat berikut diperolehi daripada Perkongsian Teratai:

	<b>RM</b>
Kenderaan	52 000
Inventori	51 240
Akaun Belum Terima	13 400
Bank	38 600
Jumlah liabiliti	6 880
Kos pembubaran	1 600

Pekongsi telah bersetuju untuk membubarkan perkongsian mereka pada 30 Jun 2023. Semua aset telah direalis dengan jumlah RM103 000 dan liabiliti telah dijelaskan sepenuhnya.

Berapakah untung atau rugi realisasi perkongsian tersebut?

- A Untung RM8 360
- B Untung RM15 240
- C Rugi RM8 360
- D Rugi RM15 240

33 Apakah bentuk keuntungan syarikat berhad yang akan diagihkan kepada pemegang syer?

- A Bonus
- B Faedah
- C Dividen
- D Komisen

34 Urus niaga yang manakah merupakan pendapatan modal bagi kelab dan persatuan?

- A Menerima derma untuk membina kolam renang
- B Keuntungan daripada aktiviti perniagaan kelab
- C Menerima yuran pertandingan
- D Faedah simpanan tetap

35 Pernyataan yang manakah **benar** mengenai Akaun Penerimaan dan Pembayaran?

- I Disediakan untuk menghitung baki tunai di bank dan di tangan
  - II Merupakan satu ringkasan untuk merekodkan segala urusan niaga tunai
  - III Pada akhir tempoh perakaunan, Akaun Penerimaan dan Pembayaran akan ditutup
  - IV Segala perbelanjaan hasil dan perbelanjaan modal akan direkod dalam Akaun Penerimaan dan Pembayaran
- 
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

36 Maklumat berikut diperolehi daripada Kelab Bola Larkin Rangers.

	<b>1 Januari 2022</b>	<b>31 Disember 2022</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Yuran belum terima	125	110
Yuran belum terperoleh	-	65

**Maklumat tambahan**

Jumlah yuran yang telah diterima untuk tahun 2022 ialah sebanyak RM4 030.

Berapakah yuran yang direkodkan dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022?

- A RM3 860
- B RM3 950
- C RM4 110
- D RM4 330

37 Maklumat berikut diperoleh daripada sebahagian buku perakaunan Kelab Jaguh Tangkis.

	<b>RM</b>
Belanja air dan elektrik	1 250
Belanja pembaikan	2 500
Derma	5 000
Gaji	3 000
Yuran	2 600
Jualan raket dan bulu tangkis	1 240

**Maklumat tambahan**

Derma yang diterima adalah untuk pembinaan pintu pagar baharu.

Hitung kesan maklumat di atas terhadap Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan pada hujung tempoh perakaunan kelab.

- A Lebihan RM2 910
- B Lebihan RM7 190
- C Kurangan RM2 910
- D Kurangan RM7 190

38 Maklumat berikut diperoleh daripada buku perniagaan Kilang Biskut Win.

Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2022

	<b>RM</b>
<b>Kos A</b>	60 000
<b>Kos B</b>	40 000
<b>Kos C</b>	5 000
Kos Prima	105 000

Apakah **Kos A**, **Kos B** dan **Kos C**?

	<b>Kos A</b>	<b>Kos B</b>	<b>Kos C</b>
<b>A</b>	Bahan Langsung	Buruh Langsung	Belanja Langsung
<b>B</b>	Buruh Langsung	Bahan Langsung	Overhed
<b>C</b>	Bahan Langsung	Belanja Langsung	Buruh Langsung
<b>D</b>	Buruh Langsung	Overhed	Belanja Langsung



39 Maklumat berikut diperolehi daripada Kilang Kotak Tekun pada 31 Julai 2023.

	RM
Gaji penyelia kilang	4 500
Gaji kerani pejabat	5 500
Gaji pengurus kilang	6 700
Gaji operator pengeluaran	33 500

Catatan manakah yang betul dalam Akaun Pengeluaran?

**A Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Julai 2023**

	RM	RM
<b>Kos Buruh Langsung</b>		
Gaji operator pengeluaran		33 500
<b>Kos Overhed</b>		
Gaji penyelia kilang	4 500	
Gaji kerani pejabat	5 500	
Gaji pengurus kilang	6 700	16 700

**B Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Julai 2023**

	RM	RM
<b>Kos Buruh Langsung</b>		
Gaji operator pengeluaran		33 500
<b>Kos Overhed</b>		
Gaji penyelia kilang	4 500	
Gaji pengurus kilang	6 700	11 200

**C Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Julai 2023**

	RM	RM
<b>Kos Buruh Langsung</b>		
Gaji operator pengeluaran	33 500	
Gaji penyelia kilang	4 500	38 000
<b>Kos Overhed</b>		
Gaji pengurus kilang		6 700

**D Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Julai 2023**

	RM	RM
<b>Kos Buruh Langsung</b>		
Gaji operator pengeluaran	33 500	
Gaji penyelia kilang	4 500	
Gaji pengurus kilang	6 700	44 700
 <b>Kos Overhed</b>		
Gaji kerani pejabat		5 500

- 40 Kreatif Batik Enterprise menjalankan perniagaan pakaian berkonsepkan batik Malaysia. Kos yang terlibat dalam pengeluaran produk tersebut adalah seperti berikut:

	RM
Sewa premis	4 200
Pelbagai kos tetap	800
Kos berubah sepasang	45
Harga jualan sepasang	95

Berapakah Titik Pulang Modal sekiranya kos berubah meningkat kepada RM55 seunit?

- A 84 pasang
- B 100 pasang
- C 105 pasang
- D 125 pasang

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**